

PENGENALAN KITAB RISALAH ISKANDAR OLEH SULTAN ALANG ISKANDAR

INTRODUCTION TO THE “RISALAH ISKANDAR” MANUSCRIPT BY SULTAN ALANG ISKANDAR

Wan Kamal Nadzif, W.J.^{1*}

Arnie Adnan²

Shahril Nizam Zulkipli³

Ahmad Sa‘aduddin Wahab⁴

Ahmad Bakhtiar Jelani⁵

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(E-mail: wankamal@gmail.com)

²Sekolah Kebangsaan Iskandar Perdana, Seri Iskandar, Perak, Malaysia.
(E-mail: arnieadnan1982@gmail.com)

³Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah Campus, Malaysia.
(Email: shah4107@uitm.edu.my)

⁴Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(E-mail: ahmad646@uitm.edu.my)

⁵Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah Campus, Malaysia.
(Email: ahmadbakhtiar@uitm.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 22-7-2024

Revised date : 23-7-2024

Accepted date : 15-8-2024

Published date : 30-8-2024

To cite this document:

W. J., Wan Kamal Nadzif, Adnan, A., Zulkipli, S. N., Wahab, A. S.; & Jelani, A. B. (2024). Pengenalan Kitab Risalah Iskandar oleh Sultan Alang Iskandar Negeri Perak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 68 – 77.

Abstrak: Kitab Risalah Iskandar Syah merupakan sebuah kitab agama yang dikarang oleh Sultan Perak ke-30, Sultan Alang Iskandar Shah (m.1938). Kitab ini ditulis sekitar tahun 1921 hingga 1926. Artikel ini merupakan pengantar kepada kitab Risalah Iskandar yang merangkumi biografi Sultan Alang Iskandar, pembahagian bab kitab dan takhrij hadith serta riwayat yang terdapat dalam kitab ini. Kajian tekstual ini menggunakan metode analisis dokumen untuk mengkaji kandungan dan asal usul manuskrip secara kajian perbandingan dengan sumber rujukan asal yang terdapat dalam Risalah Iskandar Syah. Hasil kajian menunjukkan terdapat 40 hadith dengan satu hadith Qudsi, 28 hadith Nabawi, lima hadith Mawquf dan enam hadith Maqtu‘ dalam kitab ini. Antara kitab-kitab rujukan asal manuskrip ialah al-Kutub al-Sittah, Dala‘il al-Khairat, Mawa‘iz al-Badi‘, Nasa‘ih al-‘Ibad, al-Isti‘dad li Yaumil Ma‘ad, Umm al-Baraheen dan Ihya‘ ‘Ulum al-Din. Kitab ini membuktikan ketokohan baginda sebagai seorang umarak dan ulama yang sewajarnya menjadi contoh terbaik dari sudut kepimpinan dan ketakwaan untuk generasi masa kini.

Kata kunci: Risalah Iskandar, Sultan Alang Iskandar, Perak, riwayat, hadith.

Abstract: The “Risalah Iskandar Syah” is a significant religious manuscript authored by Sultan Alang Iskandar Shah (d.1938), the 30th Sultan of Perak. It was written between 1921 and 1926. This article provides an introduction to the manuscript, including a detailed biography of Sultan Alang Iskandar, an overview of the book’s chapters, and an analysis of the hadith and narrations in this book. This textual study employs a document analysis method to examine its content and origin through a comparative study with the principal sources cited in the “Risalah Iskandar Syah.” The analysis reveals that the manuscript contains 40 narrations, of which one as a saying attributed to the God, 28 as a saying attributed to the Prophet, five are statement of the Companions and six of the Successors. The references books to this manuscript such as the Six Major Hadith Books, Dala’il al-Khairat, Mawa’iz al-Badi’, Nasa’ih al-‘Ibad, al-Isti’dad li Yaumil Ma’ad, Umm al-Barahin and Ihya’ ‘Ulum al-Din. The manuscript proved Sultan Alang Iskandar dual role as both a ruler and a scholar, providing a valuable example of leadership and piety for modern generation.

Keywords: Risalah Iskandar, Sultan Alang Iskandar, Perak, narration, hadith

Pengenalan

Penghasilan kitab oleh seseorang ulama adalah suatu sumbangan ilmu kepada umat. Adapun penghasilan kitab oleh seorang Sultan adalah suatu keunikan kerana baginda bukan sahaja mensejahterakan rakyat melalui pemerintahan bahkan menyelamatkan rakyat di akhirat melalui ilmu pengetahuan. Dengan erti kata lain, baginda memainkan dua peranan penting iaitu umarak dan ulama. Kitab Risalah Iskandar Syah ialah sebuah kitab agama karangan Sultan Alang Iskandar Shah, Sultan Negeri Perak yang ke-30. Selepas ditabalkan, Raja Alang Iskandar lebih dikenali dengan nama Sultan Iskandar Shah ibni Almarhum Sultan Idris Shah. Dalam menggali khazanah dan sumbangan para ulama Nusantara, penghasilan karya Risalah Iskandar Syah telah berjaya meletakkan nama Sultan Alang Iskandar sebaris dengan tokoh-tokoh ulama di Alam Melayu pada masa dahulu. Kecenderungan sufi yang ada pada jiwa baginda dapat dilihat pada surat-surat dan nasihat yang dititipkan dalam kandungan kitab ini.

Latar Belakang Kajian


Penamaan kitab ini dengan judul risalah memberi maksud kompilasi surat-surat dan titah-titah diraja dalam bentuk perutusan. Ia kemudian dihimpunkan dalam bentuk buku bagi faedah dan manfaat untuk rakyat Perak pada zaman baginda dan seluruh pembaca kitab yang hidup selepas kemangkatan baginda. Dinisbahkan pula risalah ini kepada nama baginda Iskandar Shah yang memberi signifikasi perutusan seorang Sultan kepada rakyat baginda. Kitab ini mengandungi tujuh bab besar iaitu Ingatan, Pengajaran, Nasihat, Tauhid, Fiqah, Tasawuf dan Surat. Ia mula ditulis pada tahun 1921 dan selesai dikarang pada tahun 1926 di Istana Bukit Chandan Indera Mulia, Kuala Kangsar.



Gambar 1: Istana Kenangan Bukit Chandan

Sumber: Wan Kamal Nadzif, W.J.

Istana Bukit Chandan Indera Mulia merujuk kepada Istana Changkat Negara yang dibina oleh Sultan Idris Shah I iaitu ayahanda baginda. Istana Changkat Negara ini kemudiannya dirobohkan dan tapaknya dibangunkan Istana Iskandariah yang diambil sempena nama Sultan Iskandar. Sebelum Istana Iskandariah siap dibina pada tahun 1933, Istana Kenangan adalah tempat persemayaman sementara Sultan Iskandar dari tahun 1931 hingga 1933. Istana Kenangan Bukit Chandan atau nama lainnya Istana Lembah atau Istana Tepas dititahkan pembinaannya oleh Sultan Iskandar pada tahun 1926 dan siap sepenuhnya pada tahun 1931. Kini Istana Kenangan menjadi Muzium Diraja Perak yang dirasmikan pembukaannya oleh Almarhum Sultan Azlan Shah pada tahun 1986 dan menjadi Warisan Kebangsaan pada tahun 2009. Ia menjadi tempat tarikan pelawat yang ingin melihat kehalusan seni binanya apabila berkunjung ke Bandar Diraja Kuala Kangsar.



Gambar 2: Istana Iskandariah Kuala Kangsar

Sumber: <http://sultan.perak.gov.my>

Metodologi Kajian

Artikel ini menggunakan kaedah kajian tekstual dan metode analisis dokumen untuk mengkaji kandungan dan asal usul manuskrip. Data kajian berbentuk kualitatif bersumberkan kitab Risalah Iskandar Syah terbitan Matba‘ah Persama, Pulau Pinang. Kitab ini selesai dikarang pada tahun 1926 iaitu 8 tahun selepas Sultan Alang Iskandar menaiki takhta sebagai Paduka Seri Sultan Yang Dipertuan Negeri Perak yang ke-30. Kitab Risalah Iskandar Syah mula ditulis pada tahun 1921 walaupun di dalamnya mengandungi titah-titah baginda sejak dari tahun 1920. Penulisan kitab ini disempurnakan pada tahun 1345 Hijrah di Istana Bukit Chandan Indera Mulia, Kuala Kangsar pada pukul 1:33 pagi.



Gambar 3: Sultan Perak ke-30 Sultan Iskandar Shah

Sumber: Arkib Negara

Analisis kandungan data dibuat secara kajian perbandingan dengan sumber rujukan asal kandungan yang terdapat di dalam Risalah Iskandar Syah. Kitab ini mengandungi terdiri daripada tujuh 7 bab secara keseluruhan iaitu bab Ingatan, Pengajaran, Nasihat, Tauhid, Akhlak, Fiqah, Tasawuf dan Surat. Kajian mendapati sumber riwayat dalam bab Ingatan, Pengajaran dan Nasihat bersumberkan kitab *al-Ista ‘dad li Yaumil Ma ‘ad* yang dinisbahkan kepada Ibn Hajar (m.1449), kitab *Mawa ‘iz al-Badi‘* oleh Syaikh Abdul Rauf Singkel (m.1693), kitab *Nasa ‘ih al-‘Ibad* oleh Syaikh Nawawi Banten (m.1897) dan kitab *Risalah Mawa ‘iz al-Badi‘ah* oleh Syaikh Muhammad Salih (m.1933). Syaikh Muhammad Salih al-Minangkabawi adalah guru kepada Sultan Alang Iskandar yang juga merupakan Syaikhul Islam negeri Perak iaitu mufti kedua pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Shah.



Gambar 4: Kitab Risalah Iskandar Syah


Sumber: Yayasan Karyawan

Bab Tauhid dalam kitab Risalah Iskandar Syah bersumberkan kitab *Umm al-Barahin fi al-'Aqa'id* oleh Imam al-Sanusi manakala bab Akhlak dan Fiqah bersumberkan kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* oleh Imam al-Ghazali. Rujukan kitab *Ihya'* dalam kitab ini jelas apabila nama Imam al-Ghazali dipetik dan kata-katanya dalam *Ihya'* dipindahkan secara terjemahan dalam Risalah Iskandar. Bab Tasawuf yang mengandungi himpunan doa, selawat, puisi dan tawassul bersumberkan kitab yang pelbagai antaranya kitab *Dala'il al-Khairat* oleh Imam al-Jazuli. Manakala dalam bab Surat atau Risalah yang dinamakan sebagai judul kitab ini mengandungi 11 perutusan baginda. Empat daripada surat-surat ini ditulis ketika Sultan Iskandar dalam pelayaran iaitu surat pertama dan kedua dari Bombay di India ke Eden di Yaman manakala surat ketiga dan keempat dari Eden di Yaman ke Port Said di Mesir.

Biografi Sultan Alang Iskandar Shah

Sultan Iskandar Shah berasal daripada susur galur keturunan Sultan Abdul Malik Mansur Shah iaitu Sultan Perak ke-19 (1806-1825). Moyang Sultan Iskandar adalah anakanda kepada Sultan Abdul Malik iaitu Raja Kecil Tengah Ahmad yang digelar Sultan Muda. Anakanda kepada Raja Kecil Tengah Ahmad yang bernama Raja Bendahara Alang Iskandar (1887-1916) adalah datuk kepada Sultan Iskandar. Sultan Iskandar diberi nama bersempena dengan nama datuknya ini.

Pada zaman Sultan Abdul Malik, Perak menghadapi ancaman dari Selangor, Kedah, Siam dan British. Serangan Sultan Ibrahim dari Selangor berjaya dipatahkan oleh orang-orang Perak yang berpunca daripada tuntutan kawasan. Perdamaian di antara Perak dan Selangor terjadi setelah Raja Kecil Tengah Ahmad berkahwin dengan Raja Che Puan Busu, seorang anak Raja Bugis bernama Daing Masoh. Pada tahun 1814, Raja Siam memaksa Kedah menyerang kerana Perak menghentikan penghantaran Bunga Emas kepada Siam. Titah Sultan Abdul Malik: "Beta adalah Raja dari sebuah bangsa yang tua, beta yang menyimpan Puan Naga Taru (tepak sirih)... yang berasal dari laut datang dari Bukit Siguntang... Beta adalah Raja yang tertua di sebelah sini, seumpama jua Raja Siak, Selangor, Riau, Kedah dan Terengganu." (1986: 42).



Rajah 1: Salasilah Keturunan Sultan Iskandar Shah

Sumber: Cempaka Sari

Sultan Ahmad Tajuddin dari Kedah menyerang Perak pada tahun 1816 dan perperangan ini berlarutan hingga tahun 1819 apabila akhirnya Bunga Emas dari Perak dihantar menuju ke Bangkok. Perdamaian di antara Kedah dan Perak terjadi hasil perundingan di antara Bendahara Kedah dengan Panjang Talib dan Alang Idin. Atas sumbangan ini, Sultan Abdul Malik mengurniakan gelaran Temenggung Paduka Raja kepada Pandak Usop (adik Panjang Talib) manakala Alang Idin dikurniakan gelaran Panglima Bukit Gantang (1986: 43).

Setelah kemangkatan Sultan Abdul Malik, anakanda baginda bernama Sultan Abdullah Muazzam Shah (1825-1830) dilantik menjadi Sultan Perak ke-20. Baginda menandatangani Perjanjian Low dengan Kapten James Low di mana Perak akan mendapat perlindungan British jika diserang oleh Siam. Penghantaran Bunga Emas juga dihentikan. Perjanjian Low 1826 menyaksikan Pulau Pangkor dan Pulau Sembilan diserahkan kepada British untuk menghapuskan kegiatan lanun di situ. Perjanjian Pangkor 1874 pula menyaksikan pengenalan Sistem Residen dan penyerahan wilayah Dinding (Manjung) kepada British. Wilayah-wilayah ini berjaya diambil kembali oleh Sultan Alang Iskandar pada tahun 1934.

Raja Alang Iskandar Shah adalah seorang Raja Bendahara sebelum baginda menaiki takhta sebagai seorang Sultan. Jawatan Bendahara mula dipegang oleh kerabat diraja pada tahun 1740. Sebelum daripada itu, jawatan Bendahara Paduka Raja dipegang oleh keturunan Megat Terawis bermula sejak Kesultanan Perak diasaskan pada tahun 1528. Pada tahun 1958, jawatan Bendahara dikembalikan kepada pembesar negeri dari orang kebanyakan. Raja Bendahara terakhir Perak adalah Raja Abdul Rashid ibni Sultan Idris yang merupakan adinda Sultan Iskandar Shah. Sultan Alang Iskandar diputerakan pada 10 Mei 1881 di Kampar, Perak.

Baginda memulakan pengajian di Sekolah Melayu Kuala Kangsar dan mempelajari ilmu agama pada sebelah petang di Sayung. Baginda kemudiannya belajar di Sekolah King Edward dan dihantar oleh ayahandanya Sultan Idris untuk menyambung pelajaran di Universiti Oxford pada tahun 1895 hingga 1902. Sekembalinya dari England, baginda memulakan kerjaya dalam Pasukan Polis Negeri Melayu Bersekutu pada 1905. Raja Alang Iskandar adalah anak Melayu pertama yang menjawat jawatan Assistant Commissioner of Police (Penolong Pesuruhjaya Polis) pada 1905. Apabila kemangkatan Sultan Idris pada tahun 1916, baginda pulang ke negeri Perak untuk dilantik sebagai Raja Bendahara Perak. Selepas kemangkatan kakandanya Sultan Abdul Jalil pada tahun 1918, baginda ditabalkan sebagai Sultan Perak yang ke-30. Bonda Raja Alang Iskandar bernama Che Ngah Manah binti Mande Duwayat yang berasal dari Parit, Perak.



Gambar 5: Makam Sultan Iskandar di Makam Diraja Bukit Chandan

Sumber: Wan Kamal Nadzif, W.J.

Sultan Iskandar Shah menjadi Yang Dipertuan Negeri Perak selama 20 tahun dan memerintah dari tahun 1918 hingga 1938. Baginda mangkat pada 14 Oktober 1938 akibat serangan jantung pada usia 57 tahun. Setelah kemangkatan, baginda diberi gelaran Marhum Qaddasallah. Takhta negeri Perak kemudiannya diwariskan kepada dua pupu baginda iaitu Sultan Abdul Aziz al-Muktasim Billah Syah ibni Almarhum Raja Muda Musa (1938–1948) sebagai Perak yang ke-31. Sultan Perak ke-32 diwarisi oleh anak saudara Sultan Iskandar bernama Sultan Yussuf Izzuddin Shah. Anakanda Sultan Iskandar tidak mewarisi langsung daripada ayahandanya dan hanya menaiki takhta sebagai Sultan Perak ke-33 iaitu Sultan Idris al-Mutawakkil ‘ala Allahi Shah. Ini disebabkan negeri Perak mengamalkan sistem raja bergelar dan sebelum menaiki takhta Sultan, seseorang pewaris perlu menunggu giliran dengan menjawat jawatan raja bergelar terlebih dahulu. Iaitu Raja Kecil Bongsu, Raja Kecil Tengah, Raja Kecil Sulung, Raja Kecil Besar, Raja Di-Hilir, Raja Muda dan Sultan.

Analisis Riwayat Hadith Dalam Kitab Risalah Iskandar

Terdapat keseluruhan 40 hadith dalam kitab *Risalah Iskandar Syah* dengan 13 dalam bab Ingatan (32.5%), empat dalam bab Pengajaran (10%), dua dalam bab Nasihat (5%), enam dalam

bab Tauhid (15%), 14 dalam bab Akhlak (35%) dan satu dalam bab Tasawuf (2.5%). Dari sudut sandaran riwayat, daripada keseluruhan 40 hadith, satu riwayat adalah hadith Qudsi (2.5%), 28 riwayat adalah hadith Marfu' (70%), lima riwayat adalah hadith Mawquf (12.5%) dan enam riwayat adalah hadith Maqtu' (15%).

Dari sudut status hadith, tujuh hadith adalah sahih (17.5%), lima hadith adalah hasan (12.5%), tujuh hadith adalah da'if (17.5%) dan satu hadith adalah da'if jiddan (2.5%). Sembilan hadith diriwayatkan tanpa sanad (22.5%) iaitu satu hadith Qudsi dan lapan hadith Marfu'. Sembilan hadith tanpa sanad ini tidak sabit sebagai perkataan Nabi SAW. Daripada lima riwayat yang Mawquf (12.5%), dua dinisbahkan kepada perkataan Abu Bakar dan masing-masing satu kepada 'Umar, 'Uthman dan 'Ali. Daripada enam riwayat yang Maqtu' (15%), satu dinisbahkan kepada perkataan Nabi Daud, satu kepada Nabi 'Isa, satu kepada Nabi dari Bani Israel, satu kepada Luqman al-Hakim dan dua sebagai kata-kata hukama.

Hadith-hadith sahih dalam kitab ini diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, Ibn Majah dan al-Tabari. Hadith hasan diriwayatkan oleh al-Nasa'i, Ibn Majah, Ahmad dan al-Syawkani. Hadith da'if oleh Abu Daud, al-Tirmidhi, al-Dailami, al-Baihaqi, al-Hakim dan al-Tabarani manakala da'if jiddan diriwayatkan oleh al-Azdi. Riwayat tanpa sanad, riwayat secara Mawquf dan riwayat secara Maqtu' bersumberkan sama ada kitab *Mawa'iz al-Badi'* atau *Nasa'ih al-'Ibad* atau *al-Isti'dad li Yaumil Ma'ad* iaitu pada bab Ingatan, Pengajaran dan Nasihat. Pada bab Tauhid, sumber rujukan ialah kitab *Umm al-Barahin fi al-'Aqa'id* oleh al-Sanusi manakala pada bab Akhlak dan Fiqah, kitab yang menjadi sumber rujukan ialah *Ihya' 'Ulum al-Din* oleh al-Ghazali.

Terdapat keseluruhan 33 koleksi munajat pada bab Tasawuf iaitu 18 doa, tujuh selawat, enam puisi dan dua tawassul. 13 doa bersumberkan kitab-kitab hadith (9 daripadanya dalam *al-Kutub al-Sittah*), tiga daripada kitab *Dala'il al-Khairat* dan dua doa umum. 11 doa daripada Rasulullah SAW dan masing-masing satu daripada Abu Bakar, 'Umar dan Imam al-Syafi'i. Selawat yang dinukilkan adalah daripada Ibn al-Jawzi, Ibn 'Arabi dan tokoh-tokoh tariqat yang pelbagai iaitu Naqsyabandi, 'Alawiyyah, al-Rifa'iyyah dan Syadhiliyyah. Nukilan puisi terdiri daripada syair dan qasidah oleh penyair-penyair silam manakala tawassul (yang menjadi amalan orang Melayu terdahulu) adalah dengan Nabi Muhammad SAW, ahli bait dan orang-orang soleh.

Jadual 1: Analisis Riwayat Hadith Dalam Kitab Risalah Iskandar

Bil.	Kategori	Jumlah	Peratus	Bab Dalam Kitab
1.	Hadith Sahih	7	17.50%	Tauhid, Akhlak, Tasawuf
2.	Hadith Hasan	5	12.50%	Ingatan, Tauhid, Akhlak
3.	Hadith Da'if	7	17.50%	Akhlek
4.	Hadith Da'if Jiddan	1	2.50%	Akhlek
5.	Riwayat Tanpa Sanad	9	22.50%	Ingatan, Pengajaran, Nasihat, Akhlak
6.	Riwayat Mawquf	5	12.50%	Ingatan
7.	Riwayat Maqtu'	6	15.00%	Ingatan, Nasihat
Jumlah		40	100.00%	

Sumber: Kitab Risalah Iskandar Syah terbitan Yayasan Karyawan

Kepelbagaiannya status dan kategori hadith yang terdapat dalam kitab ini bersesuaian dengan perkembangan ilmu hadith ketika itu. Namun apa yang lebih penting adalah usaha para ulama khususnya di bawah seliaan Sultan Alang Iskandar menyusun kitab yang menjadi rujukan untuk generasi kemudian. Begitulah perkembangan ilmu berlaku, generasi kemudian melengkapkan

apa yang diwarisi oleh generasi sebelumnya. Sastera kitab yang ditinggalkan oleh legasi Risalah Iskandar menjadikan kitab ini wadah perutusan dan lambang kasih seorang Sultan kepada rakyatnya. Pemikiran, kefahaman dan corak perbahasan feqah umat Melayu terdahulu dapat difahami melalui karya ini. Begitu juga doa-doa dan amalan warisan yang dikompilasi boleh menjadi rujukan bermanfaat untuk peminat karya klasik.

Kesimpulan

Kitab Risalah Iskandar Syah telah berjaya meletakkan Sultan Alang Iskandar sebaris dengan tokoh para ulama Alam Melayu zaman silam. Marilah kita pohonkan doa untuk baginda seperti yang diungkapkan ketika masih hayatnya, “Kemudian pohonkan olehmu ke hadrat Rabbulalamin akan ampun-Nya serta dikurniai-Nya rahmat yang luas bagi kami, Raja kamu Alang Iskandar Shah, demikian juga yang kami sentiasa memohonkan ke hadrat Tuhan mudah-mudahan disudahkannya kita semua di dalam *husnul-khatimah*, amin.” Sumbangan baginda sama ada dalam bidang pemerintahan atau keagamaan akan terus dikenang dan diingati oleh rakyat jelata.

Rujukan

- Ahmad b. Hanbal. (1995), *Al-Musnad*, ed.: Ahmad Syakir, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Alang Iskandar Shah. (1926), *Risalah Iskandar Syah*. Pulau Pinang: Matba‘ah Persama.
- Al-Dhahabi. (1995), *Mizan al-Itidal fi Naqd al-Rijal*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ghazali Basri, Noriah Mohamed & Wan Kamal Nadzif Wan Jamil. (2022). *Hikayat Iskandar Zulkarnain*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Haila Manteghi Amin. (2016). *The Alexander Romance in the Persian Tradition: Its Influence on Persian History, Epic and Storytelling* (tesis Doktor Falsafah, University of Exeter).
- Ibn Hajar (t.th.), *al-Isti ‘dad li Yaumil Ma’ad*. t.t.p: Dar al-Tarbiah.
- Ibrahim Mustafa, et.al. (t.th.), *al-Mu ‘jam al-Wasit*. t.t.p: Dar al-Nadwah.
- Kamus Dewan (2002), Ed. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M.A. Fawzi Basri. (1986), *Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Muslim b. al-Hajjaj. (2003), *Sahih Muslim*. Kaherah: Dar Ibn al-Haitham.
- Nicholas Ed Foster. (2005). *The Persian Policies Of Alexander The Great: From 330-323 BC* (tesis Sarjana, Louisiana State University).
- Nor Adlina Abdul Kadir & Mohd Roslan Mohd Nor (2012), The Role of Ulama in Reconstructing of Religious Education in Malaysia during Early 20th Century. Dalam: Middle-East Journal of Scientific Research 11 (9), m.s 1257 – 1265.
- R. J. Wilkinson. (1901). *A Malay English Dictionary*. Singapura: Kelly & Walsh Limited.
- Al-Tabarani, Abū al-Qāsim Sulaymān b. Ahmād. (1983). *Al-Mu ‘jam al-Kabir*. Mosul: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Hikam.
- Al-Tabarani. (1984), *Musnad al-Syamīyyin*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Tabari, Muhammad b. Jarir. (2000). *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wil al-Qur’ān*. t.t.p.: Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Tabari, Muhammad b. Jarir. (1407H). *Tārīkh al-Tabārī*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhi, Abū ‘Isā Muhammād b. ‘Isā b. Sawrah. (t.th.). *Sunan al-Tirmidhi*. Riyad: Maktabah al-Ma‘arif.
- William Ouseley. (1799). *Epitome of the Ancient History of Persia. Extracted and Translated from the Jehan Ara, a Persian Manuscript*. London: Cooper and Wilson.
- Wan Kamal Nadzif, Mohd. Zahirwan & Ahmad Fakhruzzai.(2012), Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari Dan Manhaj Penulisan Hadis Dalam Kitab Sabil al-Muhtadin. Dalam buku: Warisan Hadis Ulama Nusantara. Bangi: Penerbit UKM.

Wan Kamal Nadzif Wan Jamil, et.al (2022), *Raja Iskandar Zulkarnain: Antara Hikayat Dan Riwayat*. Dalam: Jurnal Kajian Ketamadunan (18), m.s 20-49.

Zainal Abidin b. Muhammad al-Fattani.(t.th.), ‘Aqidah al-Najin fi ‘Ilm Usul al-Din. Pulau Pinang: Percetakan al-Mu‘arif.

<https://api.parliament.uk/historic-hansard/commons/1934/nov/01/dindings-agreement-approval-bill-lords>

<http://www.arkib.gov.my>

<http://malaycivilization.com.my>

<https://www.pnm.gov.my>

<https://sea.lib.niu.edu/islandora/object/SEAImages%3A977>

<http://sultan.perak.gov.my>

<https://sultannazrinshah.com/muzakarah-ulama/>

<https://upnih.pnm.gov.my/myrepo-public/welcome/content/browse-content/collection/13>